

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan*

- 1 (a) **Dokumen 1** berikut diterima oleh Kedai Perabot Intan.

ASAL	No: 2430		
INVOIS			
Ameer PC Jalan Muar, 84900 Tangkak, Johor			
Tarikh : 17 Ogos 2024			
Kepada: Kedai Perabot Intan 32B Jalan Parit Pulai 84900 Tangkak, Johor			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Pencetak Brother	2	900.00	1800.00
Tolak diskaun niaga 10%			180.00
Jumlah			1620.00
(Ringgit Malaysia: Seribu Enam Ratus Dua Puluh Sahaja) Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari			
Ameer (Pengurus)			

Dokumen 1

Berdasarkan dokumen di atas nyatakan catatan bergu di jurnal yang berkaitan.

[2 markah]

- (b) Kelab Badminton Taman Mega telah menerima hasil sewaan alatan daripada belia taman berkenaan. Kelab itu juga mengutip derma untuk membeli peralatan kelab.

Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan jadual berikut

Jenis Pendapatan	Contoh
Pendapatan modal	
Pendapatan hasil	

[2 markah]

- (c) Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat RDY Bhd dan Syarikat Edana Bhd .

	Syarikat RDY Bhd.	Syarikat Edana Bhd.
	RM	RM
Untung bersih	24 500	36 000
Modal awal	82 000	53 000

Perniagaan mana yang lebih sesuai dipilih untuk membuat pelaburan dan berikan alasan.

[2 markah]

- (d) Senaraikan **dua** sebab berlaku pembubaran perkongsian.

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Gembira.

Pemilik Kedai Alat Tulis Gembira membeli van terpakai RM30 000 menggunakan wang tunai peribadinya.
--

Berdasarkan urus niaga di atas, nyatakan kesan urus niaga tersebut terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Alat Tulis Gembira.

[2 markah]

- 2 Jonathan ialah pemilik perniagaan milikan tunggal Jonathan Enterprise yang membekalkan peralatan keselamatan. Imbangan Duga perniagaannya pada 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

Jonathan Enterprise			
Imbangan Duga pada 30 Jun 2024			
Butir	Debit RM	Kredit RM	
Modal 1 Julai 2023		298 000	
Inventori 1 Julai 2023	48 300		
Tunai	280		
Bank	15 600		
Simpanan Tetap	50 000		
Premis	150 000		
Perabot (kos)	76 000		
Kenderaan (kos)	80 000		
Belian dan Jualan	126 090	278 790	
Pulangan	2 652	2 840	
Upah atas belian	600		
Angkutan masuk	560		
Angkutan keluar	530		
Akaun Belum Terima	64 200		
Akaun Belum Bayar		40 760	
Peruntukan hutang ragu		2 312	
Susut nilai terkumpul kenderaan		19 200	
Susut nilai terkumpul perabot		24 700	
Komisen		3 760	
Diskaun		3 000	
Pinjaman bank		40 800	
Faedah pinjaman bank	1 800		
Gaji	60 400		
Hutang lapuk	1 820		
Insurans	1 740		
Belanja membaiki kenderaan	8 660		
Sewa	18 000		
Ambilan	6 500		
Belian alat tulis	430		
	<u>714 162</u>	<u>714 162</u>	

Maklumat tambahan:

- (i) Penilaian pada 30 Jun 2024.
- | | |
|------------------------|----------|
| Inventori barang niaga | RM39 600 |
| Inventori alat tulis | RM210 |
- (ii) Faedah simpanan tetap untuk tempoh dari 1 Julai 2023 sehingga 30 Jun 2024 berjumlah RM2 000 akan diterima pada 5 Julai 2024.
- (iii) Insurans tahunan telah dibayar pada 1 Mac 2024.
- (iv) Pemilik telah mengambil wang tunai RM500 daripada jualan harian untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Bakti tetapi terlupa untuk memberitahu keraninya tentang perkara ini.
- (v) Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya sebanyak RM1 200 dihapuskan.
- (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vii) Pinjaman bank RM48 000 berkadar faedah 5% setahun yang matang pada 30 September 2028 telah dibuat pada 1 Oktober 2023.
- (viii) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan menggunakan kaedah seperti berikut:

Aset bukan semasa	Kadar susut nilai	Kaedah susut nilai
Perabot	10% setahun	atas kos
Kenderaan	10% setahun	atas baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024 [11 markah]

- 3 Liyana Sdn Bhd ialah sebuah perniagaan pengeluaran yang mengeluarkan barangan kosmetik. Berikut ialah maklumat daripada buku perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2023:

Inventori pada 1 Januari 2023**RM**

Bahan langsung	10 567
Kerja dalam proses	3 810
Barang siap	36 588
Alat-alat kecil kilang	1 540

Inventori pada 31 Disember 2023

Bahan langsung	12 594
Kerja dalam proses	4 326
Barang siap	32 650
Alat-alat kecil kilang	1 506

Belian bahan langsung	96 591
Belian barang siap	14 930
Jualan	397 560
Angkutan masuk bahan langsung	5 020
Pulangan keluar	2 460
Pulangan masuk	2 560
Insurans kilang	12 000
Upah pekerja kilang	57 560
Angkutan keluar	2 840
Gaji pekerja pejabat	13 500
Gaji tak langsung	19 703
Bahan tak langsung	4 614
Utiliti	18 030
Belian alat-alat kecil kilang	2 510
Mesin kilang	180 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	42 000
Belanja am kilang	15 480
Sewa	48 000
Cap dagangan	16 000

Maklumat tambahan :

- (i) Insurans kilang tamat tempoh pada 31 Mac 2024.
- (ii) Angkutan masuk barang siap sebanyak RM1 840 tersalah catat dalam Akaun angkutan masuk bahan langsung.
- (iii) Upah pekerja langsung masih belum bayar berjumlah RM6 540.
- (iv) Susut nilai mesin kilang ditetapkan pada kadar 10% setahun mengikut nilai semasa.
- (v) Utiliti dan sewa hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 2:1
- (vi) Cap dagangan dibayar sehingga tahun 2024 bernilai RM4 000.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [13 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [5 markah]
- (c) Kirakan bagi keluaran 60 000 unit mengikut kos pengeluaran diatas.
 - (i) Kos tetap [1 markah]
 - (ii) Kos berubah seunit [2 markah]
 - (iii) Harga jualan seunit [1 markah]
 - (iv) Titik pulang modal [3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

*Jawab **dua** soalan daripada bahagian ini*

- 4 Dina dan Dini merupakan rakan kongsi bagi perniagaan Perkongsian DD yang menjalankan perniagaan di Pusat Komersial Yayasan, Segamat, Johor.

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perkongsian DD pada 31 Ogos 2024.

	Debit RM	Kredit RM
Inventori 1 September 2023	22 000	
Modal 1 September 2023 :		
Dina		500 000
Dini		200 000
Akaun Semasa 1 September 2023 :		
Dina	30 800	
Dini		13 500
Ambilan :		
Dina (1 Disember 2023)	4 000	
Dini (28 Februari 2024)	8 000	
Pinjaman daripada Dina		60 000
Premis	500 000	
Kenderaan (Kos)	120 600	
Mesin (Kos)	65 600	
Bank	37 400	
Tunai	11 000	
Gaji :		
Dina	20 400	
Dini	16 500	
Untung bersih sebelum pelarasan		87 400
Akaun Belum Terima	72 000	
Akaun Belum Bayar		47 400
	908 300	908 300

Ikatan perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara berikut :

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Dina dan Dini mengikut nisbah 3:2.
- (ii) Gaji tahunan Dina dan Dini masing-masing adalah RM20 400 dan RM18 000.
- (iii) Faedah atas pinjaman perkongsi 8% setahun.
- (iv) Faedah atas modal 2% setahun.
- (v) Semua ambilan dikenakan faedah 10% setahun.



Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2024 bernilai RM5 000.
- (ii) Komisen belum terima RM400.
- (iii) Hutang lapuk RM790.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus.
- (v) Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar RM3 400.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) (i) Penyata Untung Bersih terselaras bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.
[5 markah]
- (ii) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.
[5 markah]
- (b) Akaun Semasa pekongsi (beruangan).
[8 markah]
- (c) Bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024.
[2 markah]

- 5 (a) Perniagaan Tikka telah menerima Penyata Bank bagi bulan Julai 2024 dan mendapati ada perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.

Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank perniagaannya.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No Cek	RM
2024			2024			
Julai 1	Baki b/b	7 111	Julai 2	Belian	10084	2 020
2	Jualan	1 245	3	Sewa	10085	2 925
3	Sewa	3676	14	Komputer	10086	1 750
10	Citra Enterprise	1 695	16	Kadar bayaran	10087	710
27	Kartik Raj	879	19	Pembekal Maju	10088	4 110
30	Jualan	1 200	21	Berkat Usaha	10089	640
	Syurah	3 098	27	Belian	10090	1 565
			31	Gaji	10091	1 122
				Baki h/b		4 062
Ogos 1		<u>18 904</u>				<u>18 904</u>
	Baki b/b	<u>4 062</u>				

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2024					
Julai 1	Baki b/b				8 363
3	Deposit			1 245	9 608
4	Cek	10084	2 020		7 558
	Deposit			3 676	11 264
5	Cek	10085	2 925		8 339
11	Deposit			1 695	10 034
13	Perintah Sedia Ada-Insurans		550		9 484
15	Cek	10086	1 750		7 734
	Buku Cek		13		7 721
18	Cek	10083	1 252		6 469
	Cek	10089	604		5 865
24	Cek	10090	1 565		4 300
	Faedah atas simpanan			550	4 850
30	Deposit			1 200	6 050
31	Caj bank		17		6 033

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 27 Julai 2024 dikembalikan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (ii) Cek bernombor 10089 yang dikeluarkan kepada Berkat Usaha dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2024 tanpa mengemaskini buku tunai

[12 markah]

- (b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Hamid Florist yang berakhir pada 30 September 2023.

Aset bukan semasa	Kos (RM)	Tarikh beli
Kenderaan 1	22 000	1 April 2021
Kenderaan 2	63 000	1 Oktober 2021

Maklumat tambahan:

- (i) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Kenderaan 1 telah dijual pada 30 September 2023. Cek bernilai RM 14 000 telah diterima sebagai jualan kenderaan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kenderaan (Tahun 2023) [2 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (Tahun 2023) [3 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan (Tahun 2023) [3 markah]

- 6 (a) Syarikat Harta Consult Berhad merupakan sebuah syarikat perunding pelaburan hartanah. Pada 3 September 2021 syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada 27 September 2021 semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh. Keuntungan Syarikat untuk tiga tahun kewangan berakhir 31 Disember dari 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut :

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen (RM)
2021	50 000
2022	110 000
2023	140 000

Anda dikehendaki :

- (i) Hitungkan dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun berakhir 2021 hingga 2023. Lengkapkan **Jadual Lampiran A**.

[8 markah]

- (ii) Nyatakan **satu** perbezaan Syer Keutamaan dan Syer Biasa

[2 markah]

- 6(b) Pada 1 Julai 2023, Encik Rizman memulakan perniagaan Pasar Mini Rizman di Taman Kota Jaya, Kota Tinggi dengan modal RM50 000. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

Maklumat kewangan berikut diperolehi daripada Encik Rizman pada 30 Jun 2024.

	RM
Kelengkapan	10 000
Alatan pejabat	4 500
Simpanan tetap	15 000
Inventori	6 220
Akaun Belum Terima	3 500
Akaun Belum Bayar	4 150
Tunai	900
Bank	18 680
Kadar bayaran belum bayar	250
Sewa prabayar	800

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 30 Disember 2023, Encik Rizman membawa masuk sebuah komputer miliknya berharga RM1 500 untuk kegunaan perniagaan. Urus niaga ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (ii) Pemilik mengambil tunai RM500 setiap bulan untuk kegunaan peribadi.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 5% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (v) Faedah atas simpanan tetap 6% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Penyata mengira modal pada 30 Jun 2024 [6 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

LAMPIRAN A

6 (a) (i)

Tahun	Keuntungan (RM)	Dividen 6% Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
2021	50 000		
2022	110 000		
2023	140 000		